

RM35 juta pacu industri kreatif digital

Kuala Lumpur: Peruntukan RM35 juta yang disalurkan kepada industri kandungan kreatif digital tempatan menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) dijangka akan memacu pertumbuhan berterusan sektor berkenaan.

Menteri Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Datuk Saifuddin Abdullah berkata, Dana Kandungan Digital Penjana (DKD Penjana) itu akan memperluaskan dua program kandungan digital sedia ada yang dikendalikan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Katanya, DKD Penjana akan digunakan untuk memperkasakan dua program iaitu Ca-

baran Pencipta Kandungan Digital Penjana (Penjana DC3+), di mana inisiatif ini diwujudkan oleh MDEC untuk membolehkan bakat tempatan mengasah kreativiti dan kemampuan mereka dalam mengembangkan idea kandungan baharu dan seterusnya mempercepat pembangunan serta pengkomersialan karya.

“Penjana DC3+ akan menggantikan program berstruktur DC3 dengan konsep mendorong penggunaan kandungan bertemakan Malaysia. Ini merangkumi adaptasi kisah tempatan, cerita rakyat atau berlatar belakangkan suasana Malaysia.

“Program Penjana DC3+ menitikberatkan karya yang bersifat ko-

mersial, mengandungi mesej sosial atau gabungan kedua-dua elemen terbabit dalam bentuk filem animasi pendek, filem pendek dengan kesan visual dan komik,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Saifuddin berkata, Geran Kandungan Digital Penjana (Penjana DCG) pula diwujudkan untuk membantu pemain industri kreatif tempatan menyesuaikan diri dengan kebiasaan baharu akibat pandemik global yang belum berakhir.

Katanya, studio tempatan boleh memanfaatkan program itu untuk aktiviti pemasaran, pengedaran digital dan penciptaan harta intelek (IP) baharu yang menarik.

